## DW 1.1: Menyerlahkan *Unique Selling Proposition (USP)* Desa melalui *Trail* Pelancongan Desa Secara Bersepadu

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

**Justifikasi Cadangan:**

- Mengenalpasti laluan *(trail)* dan stesen *(staging point)* yang berpotensi untuk dijadikan *trail* bertema bagi menarik segmen pasaran pengunjung bermotif khusus.
- Memudahkan pelancong merancang aktiviti percutian dengan menyepadukan tarikan dalam *trail* yang diperkenalkan, jarak dan kesesuaian masa.
- Menawarkan pelbagai perspektif dan tema bagi mempelbagaikan pengalaman pelancong.
- Memberi gambaran secara menyeluruh berkaitan dengan tarikan-tarikan yang ada di dalam koridor pelancongan bagi memudahkan agensi pelaksana untuk membuat penaiktarafan dan promosi.

**Komponen Cadangan:**

- Empat (4) aspek cadangan tindakan yang dititik beratkan dalam pembentukan koridor iaitu: pembangunan produk, infrastruktur dan kemudahan, pemasaran dan promosi serta pengurusan destinasi.
- Mengenal pasti produk tarikan utama *(keystone)* dan USP bagi setiap koridor daerah.
- Menaiktaraf projek infrastruktur di sepanjang koridor pelancongan dengan menitikberatkan keperluan *wayfinding* dan keseragaman kepada operator pelancongan di dalam koridor berkenaan.
- Menyediakan pusat informasi desa yang bersesuaian di setiap koridor pelancongan.
- Mengenal pasti laluan dan stesen yang berpotensi untuk dijadikan *trail* bertema bagi menarik pasaran pengunjung bermotif khusus.
- Antara *trail* pelancongan yang dikenalpasti adalah:
  - *i.* *Trail* Pelancongan Makanan Muar *(Muar Gastronomy Trail).*
  - *ii.* *Trail* Warisan dan Budaya Muar *(Muar Cultural Heritage Trail).*
  - *iii.* *Trail* Pelancongan Buah-Buahan Tempatan Segamat *(Segamat Agri Delight Trail).*
  - *iv.* *Trail* Berbasikal Riadah Ledang – *(Ledang Leisure Cyling Trail).*

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama agensi awam dan swasta *(Public-Private Partnership).*

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **90 kampung utama yang terletak berhampiran dengan *keystone.***

| Daerah | Kampung Dalam Bandar | Kampung Luar Bandar |
|---|---|---|
| Muar | 8 | 30 |
| Segamat | 5 | 25 |
| Tangkak | 4 | 18 |
| **Jumlah** | **17** | **73** |

### AGENSI PELAKSANA

| Pemula | Pelaksana |
|---|---|
| • KPLB<br>• BPEN Johor<br>• MOTAC Johor<br>• *Tourism* Johor | • PBT<br>• *Tourism* Johor<br>• *Tourism* Malaysia |

### ANGGARAN KOS

- Anggaran kos pembinaan tiga (3) unit Pusat Informasi Desa (saiz 20'x40') untuk setiap daerah dengan anggaran harga RM 900,000.
- Papan Tanda (RM 10,000 per unit) dan Papan Interpretasi (RM 10,000 per unit) dengan anggaran peruntukan keseluruhan RM 1,800,000.
- Kos pemasaran dengan anggaran peruntukan = RM 100,000 bagi setiap daerah dengan jumlah kos RM 300,000.
- Penyelenggaran kemudahan awam dengan anggaran peruntukan RM 50,000 bagi setiap kampung untuk setiap tahun (Fasa 1: 3 tahun) dengan jumlah kos = RM 13,500,000.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 16,500,000**

### FASA PELAKSANAAN



**Penemuan Strategik**

- Berdasarkan tinjauan pelancong, 68% pelancong menggunakan mod pengangkutan kenderaan bermotor berbanding kenderaan berbasikal dan berjalan kaki, namun mod berbasikal adalah antara pilihan kedua pelancong apabila berada di destinasi.
- 79% pelancong memilih untuk membuat Aturan Lawatan Sendiri *(FIT)* apabila melakukan lawatan ke kawasan wilayah Johor Utara .
- Penyediaan *Trail* Lawatan untuk Tujuan Pandu Sendiri *(SDT)* dan *FIT* adalah sangat penting bagi mencapai pengalaman pelancong yang lebih tinggi dan menggalakkan pelancong tinggal lebih lama.

Rajah 4.3: Mod Aturan Lawatan *Trail*

**Aturan Mod Pengangkutan Lawatan *Trail***

Kenderaan Bermotor Persendirian



Sesuai untuk lawatan dengan jumlah pengunjung sederhana untuk ke tempat pelancongan

Pengangkutan Awam



Sesuai untuk lawatan dengan jumlah pengunjung yang ramai terutamanya dari kawasan bandar

Berbasikal



Sesuai untuk lawatan semua jenis tarikan sepanjang *trail*

Berjalan kaki



Sesuai untuk lawatan *trail* di dalam kawasan yang kecil

**Aturan Lawatan *Trail***

Pakej/Pemandu Pelancong



Pakej lawatan dengan khidmat pemandu pelancong di dalam satu pakej bersama

Aturan Lawatan Sendiri *(FIT)*



Alternatif melalui FIT dan bergantung kepada informasi di destinasi

*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara ), 2021*

- Beberapa *trail* telah dikenalpasti di wilayah Johor Utara, terutama yang disediakan oleh agensi pelancongan dan persatuan/kelab yang bercirikan *niche tourism*.




Foto: Contoh Pakej Trail Hiking Gunung Ledang
*Sumber: Laman web johornationalparks.gov.my*

- Papan interpretasi di beberapa *trail* utama di Daerah Tangkak menyediakan *wayfinding* yang jelas dan baik. Namun, masih kurang kreatif dari segi reka bentuknya..




Foto: Contoh papan tanda interpretasi yang disediakan di dalam laluan *(trail)* Gunung Ledang
*Sumber: Laman web johornationalparks.gov.my*

Rajah 4.4: Contoh Pembangunan Pakej Pelancongan Desa Berdasarkan Konsep *Trail* Bersepadu

**Pakej Sediada**
**Tidak Memanfaatkan *USP* Desa**

Kebudayaan Tempatan (Makanan Tempatan)

Pembuatan Kraf Tangan

Melawat Kampung

Penginapan *Homestay*

**Kesan**

- Menjana Pengalaman
- Penginapan Yang Singkat
- Terhad Kepada 1 Hari Pakej Sahaja
- Harga Pakej Yang Rendah

**Pakej Cadangan**
**Memanfaatkan USP**

Pakej Berbasikal Laluan *Agri Delight* Segamat

Berbasikal bersama Pemandu Pelancong Tempatan dari *Homestay*

**Sokongan**

Kebudayaan Tempatan

Pembuatan Kraf Tangan

Melawat Kampung

Penginapan *Homestay*

**Kesan**

- Pengalaman Unik
- Penginapan Yang Panjang
- Pakej lima (5) Hari
- *Thematic Tourism Trail*
- Pasaran Baru

*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

## Penanda Aras Kajian



**Luang Heritage Trail, Laos**




***Foto:*** *Contoh Trail Warisan Luang Prabang yang terkenal di Laos menarik pelancong meneroka sejarah dan budaya Komuniti Tamang selama 8 Hari.*

*Sumber: chickenfeettravels.com*

***Trail* Warisan Luang Prabang** memberi pengalaman kepada pelancong untuk mengenali dan meneroka sejarah serta budaya masyarakat Tamang asalnya berasal dari Tibet sebagai pedagang kuda dan menetap di kawasan berbukit di Nepal.

**Pembentukan *Trail* Warisan Luang Prabang** ini memperoleh faedah tambahan untuk memberi manfaat ekonomi yang berterusan kepada masyarakat setempat. Selain itu, Warisan Luang Prabang membantu membawa sumber pendapatan dan mengetengahkan kebudayaan kepada orang-orang di daerah ini.

Rajah 4.5: Taburan *Trail* Eko-Pelancongan Daerah Muar

| BIL | NAMA KAMPUNG | | |
|---|---|---|---|
| 1 | Kg. Bukit Kepong | 8 | Seri Menanti |
| 2 | Kg. Renchong | 9 | Kg. Nelayan Trata Leka |
| 3 | Kg. Liang Batu | 10 | Kg. Parit Besar |
| 4 | Kg. Parit Karoma | 11 | Kg. Batu Mor |
| 5 | Kg. Gersik | 12 | Kg. Parit Tiram |
| 6 | Kg. Parit Bugis | 13 | Kg. Parit Sakai |
| 7 | Kg. Lenga | 14 | Kg. Sarang Buaya |




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

PETUNJUK:

- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara )
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Eko-Pelancongan Daerah Muar
- Eko-Pelancongan Berpotensi Dibangunkan Daerah Muar
- *Trail* Cadangan Eko Pelancongan Daerah Muar
- *Homestay* Sedia Ada

Jarak dan masa bagi *trail* yang dicadangkan:




**Jumlah Jarak= 151 KM**

Berdasarkan tinjauan pelancong, 68% pelancong menggunakan mod pengangkutan kenderaan bermotor berbanding kenderaan berbasikal dan berjalan kaki, namun mod berbasikal adalah antara pilihan kedua pelancong apabila berada di destinasi.

Rajah 4.6: Perincian Cadangan *Trail* Eko-Pelancongan Daerah Muar

**HARI 1**

**MULA - PAGI: 7.15 AM**



Bermula waktu pagi di Muar, pelancong dapat melihat bagaimana nelayan tradisionanl melakukan aktiviti mengutip tiram di Kampung Parit Tiram, Muar.

**PAGI: 9.00 AM**



Di Desa Karoma Eco Resort, Muar terdapat pelbagai aktiviti yang boleh disertai antaranya *mangrove tour package* dan *jungle tracking,* aktiviti mandi kolam dan rekreasi.

**TENGAHARI: 12.30 PM**



Di Kg Nelayan Trata Leka, terdapat penginapan tradisi kampung dan aktiviti seperti memancing kolam, memberi makan haiwan.

**PETANG: 3.30 PM**



Di Pantai Seri Menanti, terdapat aktiviti berkelah, memancing dan siar pantai yang dijalankan oleh pengunjung.

**PETANG: 5.30 PM**



Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah bermandi-manda di Grisek *Hot Spring* di waktu petang akan lebih menyeronokkan.

**HARI 2**

**MULA - PAGI: 8.00 AM**



Pelancong boleh menjalankan aktiviti hiking pada sebelah pagi di Bukit Mor, Muar

**PAGI: 10.00 AM**



Di Hutan Negeri Ayer Hitam Utara, antara aktiviti semasa yang sedia ada adalah berfokus kepada kajian dan penyelidikan daripada akademia tentang spesies hutan.

**TENGAHARI: 12.00 PM**



Antara *hotspot* utama di persisiran Sungai Muar adalah aktiviti memancing udang di sepanjang Sungai Muar. Di Jeti Renchong terdapat empat (4) kemudahan penginapan sewa bilik yang disediakan.

**PETANG: 4.00 PM**



Akhir sekali, antara aktiviti lain yang didapati di Kg Bukit Kepong selain melawat muzium sejarah terdapat juga adalah pakej menyelusuri Sungai Muar.

*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

Rajah 4.7: Taburan *Trail* Warisan (Kraftangan dan Kebudayaan) Daerah Muar




PETUNJUK:

*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara ), 2021*

- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara )
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Warisan Sedia Ada Daerah Muar
- Warisan Berpotensi Dibangunkan Daerah Muar
- Trail Cadangan Warisan Daerah Muar
- Homestay Sedia Ada

Jarak dan masa bagi *trail* yang dicadangkan:




**Jumlah Jarak= 116.9 KM**

Rajah 4.8: Taburan Makanan di Johor Utara




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Muar
- Taburan Kampung Daerah Tangkak
- Taburan Kampung Daerah Segamat
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- *Trail* Makanan mengikut *Hot Spot* di Daerah Johor Utara

Rajah 4.9: Taburan Produk Agro Pelancongan Daerah Muar




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

PETUNJUK:

- Sempadan Bandar
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Kawasan Tarikan Agro Pelancongan

| Daerah | Nama Kampung |
|---|---|
| Muar | 1. Kg. Paya Redan<br>2. Kg. Paya Lebar<br>3. Kg. Seri Menanti<br>4. Kg. Bukit Perah<br>5. Kg. Parit Besar<br>6. Kg. Jeram Masjid<br>7. Kg. Parit Tiram<br>8. Kg. Sabak Aur<br>9. Kg. Paya Panjang |

Rajah 4.10: Taburan Produk Agro dan Eko Pelancongan Daerah Segamat




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

PETUNJUK:

- Sempadan Bandar
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara )
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Kawasan Tarikan Eko Pelancongan
- Kawasan Tarikan Agro Pelancongan

| Daerah | Nama Kampung |
|---|---|
| Segamat | 1. KOA Kudung<br>2. Kg. Juasseh<br>3. FELDA Redong<br>4. Kg. Sermin<br>5. Kg. Gelang Chin Chin<br>6. Kg. Ulu Jementah<br>7. Kg. Paya Jangkas<br>8. Kg. Bahru<br>9. Kampung Kubu Dedap |

Rajah 4.11: Taburan Produk *Agri Delight* Daerah Segamat




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Segamat
- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara )
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Lokasi *Hotspot Agri Delight* Segamat
- Lokasi *Homestay*

Rajah 4.12: Taburan Produk Eko dan Agro Pelancongan Daerah Tangkak




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*

PETUNJUK:

- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara )
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuh Raya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Kawasan Tarikan Ekopelancongan
- Kawasan Tarikan Agro Pelancongan

| Daerah | Nama Kampung |
|---|---|
| Tangkak | 1. Kg. Kesang Laut<br>2. Kg. Parit Karang Laut<br>3. Kampung Pinang<br>4. Kampung Pulau Penarik<br>5. Kampung Sengkang Batu 12<br>6. Kg. Pulau Chondong |